



## MAJLIS PERBANDARAN MUAR IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa dari kalangan Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Johor Darul Takzim) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut :-

1. **SKIM PERKHIDMATAN** : PEMANDU KENDERAAN GRED H11
  - (a) **KLASIFIKASI** : KEMAHIRAN
  - (b) **KEMENTERIAN / JABATAN** : MAJLIS PERBANDARAN MUAR
  - (c) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : PELAKSANA
  - (d) **GRED** : H11
  - (e) **KEKOSONGAN** : 3 (TIGA)
  - (f) **TARAF JAWATAN** : TETAP

2. **JADUAL GAJI JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM** : RM 1, 218.00 - RM 2, 939.00

3. **SYARAT LANTIKAN** Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- (ii) Lesen memandu Kelas D/E/E1/E2/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (iii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.

**Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki lesen memandu melebihi dari 1 kelas yang dinyatakan.**

Gaji permulaan Gred H11 ditetapkan mengikut Kelas Lesen Memandu:

- Lesen D RM 1,264.15
- Lesen E/E1/E2 RM 1,310.30
- Lesen F/H RM 1,356.45
- Lesen G/I RM 1,402.60

4. **SYARAT BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki sekurang-kurangnya 3 Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/ Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## 5. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, lori, *JCB*, Lori 3 tan, *roller* dan traktor pertanian.

## 6. PERMOHONAN:

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan-badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan Perintah Am Bab A Bil.18 di bawah Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Penilaian Prestasi Tahunan bagi 3 tahun terakhir;
- (b) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web Majlis Perbandaran Muar iaitu : [www.mpmuar.gov.my](http://www.mpmuar.gov.my) atau di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan pada hari bekerja sahaja sepanjang hari Ahad hingga Rabu dari jam 08.30 pagi hingga 4.30 petang, dan hari Khamis dari jam 08.30 pagi hingga 03.00 petang dengan bayaran RM 1.00/set. Sila sertakan sekeping gambar terbaru berukuran pasport dan salinan yang telah disahkan semua dokumen seperti kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan;
- (c) Pemohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;
- (d) Sebarang usaha untuk membuat penghantaran dokumen **SELEPAS** borang dihantar / tarikh iklan ditutup **TIDAK AKAN DITERIMA**.
- (e) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian dan temuduga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (f) Sila tulis nama jawatan yang dipohon di penjuru atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada:

YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN MUAR  
KARUNG BERKUNCI NO. 516  
84009 MUAR  
(u.p: Bahagian Sumber Manusia)

## 7. TARIKH AKHIR PERMOHONAN : 21 SEPTEMBER 2024